

TARIKH	ISNIN, 19 FEBRUARI 2024
AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK ARTIKEL	EL NINO: 600,000 PESAWAH, PEKEBUN KECIL RISIKO TERJEJAS
M/S	8
BIDANG	ENVIRONMENT
KATA KUNCI	EL – NINO

El Nino: 600,000 pesawah, pekebun kecil risiko terjejas

Oleh AIMAN ALI dan AHMAD FADHLULLAH ADNAN
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Lebih 600,000 pesawah dan pekebun kecil berisiko terjejas berikutan kesan El Nino yang sedang melanda negara pada penghujung Monsun Timur Laut, kali ini.

Mereka tidak dapat menjalankan aktiviti pertanian seperti biasa selain cuaca panas melampau turut mempengaruhi pengeluaran industri padi dan getah.

Presiden Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia, Adzmi Hassan berkata, fenomena El Nino menjejaskan hasil penorehan getah bagi menampung perbelanjaan seharian penoreh.

“Kebiasaannya apabila cuaca panas, daun pokok getah mula berkurang dan hasilnya juga berkurang. Selalunya, boleh dapat antara 900 kilogram (kg) sehingga 1,300kg untuk satu hektar setahun.

“Faktor pembajaan oleh penoreh dan cuaca panas memainkan peranan. Apabila pokok getah daunnya luruh, maka kurang getahnya,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, semalam.

Susulan itu, katanya, terdapat penoreh getah yang menggunakan stimulan artifisial bagi meningkatkan produktiviti getah

Berpotensi ganggu bekalan air, kurangkan paras air empangan, tanaman padi, sayur dan buah

El Nino ancam Malaysia

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB, MUHAMMAD ANNY AHMAD, NURUL HANISAH MAT HA dan YASMIN HAZWAN HANIFFA

PETALING JAYA: Fenomena El Nino yang dijangka berterusan sehingga Mei ini berpeluang mengakibatkan gangguan beka-

laji, Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S. Piarapakaran berkata, Malaysia sedang menghadapi situasi genting kerana kapasiti sebanyak 55 empangan tidak diketahui.

Malah kata beliau, risiko keselamatan kewujudan air menubuh sebenarnya tidak diketahui untuk satu tempoh yang lama.

“Berikutan perubahan iklim, semasa dua tempoh cuaca panas dan sejuk, saya tidak dapat mengotrol air menubuh untuk diproses.”

UTUSAN Malaysia
15 Februari 2024.

sekerap disebabkan hasil yang berkurang akibat faktor cuaca.

Khamis lepas, akhbar ini melaporkan, fenomena El Nino yang diramal berterusan sehingga Mei berpotensi mengakibatkan gangguan bekalan air dan mengurangkan paras air empangan ekoran cuaca menjadi semakin panas serta kering melampau.

Menurut Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S. Piarapakaran, Malaysia sedang melalui situasi genting kerana kapasiti sebenar air bagi 16 daripada 55 empangan tidak diketahui.

Pada masa sama, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu memberi jaminan keadaan tanaman dan sumber bekalan makanan tempatan tidak terjejas setakat ini.

Adzmi berkata, harga getah ketika ini pada RM3.25 memberi kelegaan kepada penoreh, na-

mun ia tetap bergantung kepada lokaliti dan kualiti sekerap.

“Harga sekarang tinggi untuk sekerap yang mempunyai DRC (*Dry Rubber Content*) tetapi menjadi rendah sekiranya sekerap mempunyai air yang banyak iaitu pada harga RM2.75 sehingga RM2.80 bergantung kawasan.

“Dengan harga tinggi walaupun cuaca panas, penoreh sanggup keluar pagi atau petang untuk menoreh dan dapatkan hasil. Kalau menoreh sendiri dapat banyak berbeza dengan pekebun yang mengupah orang yang hanya mendapat sedikit sahaja,” katanya.

Dalam pada itu, EXCO Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah), Abdul Rashid Yob berkata, El Nino menyebabkan beberapa sawah yang terletak di luar kawasan tanaman Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) mengalami kekurangan air.

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM